

PIAWAIAN PERANCANGAN JPBD 21/97

PIAWAIAN PERANCANGAN

TANAH LAPANG DAN REKREASI



SEMANJUNG
MALAYSIA

JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN DESA
SEMANJUNG MALAYSIA

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan Malaysia

Cetakan Pertama 1997
© Hakcipta
Jabatan Perancangan Bandar dan Desa
Semenanjung Malaysia
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Malaysia

Hakcipta terpelihara.
Sebarang bahagian dalam laporan ini tidak
boleh diterbitkan semula, disimpan dalam cara
yang boleh dipergunakan lagi, atau pun dipindahkan
dalam sebarang bentuk atau sebarang cara, samada
dengan cara elektronik, gambar, rakaman dan sebagainya
tanpa kebenaran bertulis daripada
Penerbit terlebih dahulu.

ISBN 983-9396-27-7

Diterbitkan di Malaysia
Oleh
Jabatan Perancangan Bandar dan Desa
Semenanjung Malaysia
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Malaysia.

KATA ALU-ALUAN

*Ketua Pengarah
Jabatan Perancangan Bandar dan Desa
Semenanjung Malaysia*



Akta Perancangan Bandar dan Desa, 1976 (Akta 172) dan Akta Perancangan Bandar dan Desa (Pindaan) 1995 (Akta A933) berupaya memelihara kepentingan tanah lapang sebagai salah satu daripada infrastruktur sosial yang perlu disediakan di dalam sesuatu kawasan pembangunan. Keperluan tanah lapang dan rekreasi amnya dirancang di dalam penyediaan Rancangan Struktur, Rancangan Tempatan serta pelan susunatur sesuatu pembangunan oleh Pihakberkuasa Perancangan di peringkat Negeri dan Tempatan.

Isu Tanah Lapang dan Rekreasi Awam sering dibangkitkan antaranya ialah perletakkannya yang tidak sesuai, saiz yang tidak berfungsi dan dasar yang tidak konsisten. Ini berlaku kerana tiada garis panduan dan piawaian yang lengkap untuk memandu keperluan perancangan tanah lapang untuk tujuan rekreasi.

Garis Panduan yang disediakan ini boleh membantu pihak yang terlibat di dalam merancang dan menyediakan kemudahan rekreasi dengan menyediakan dasar yang seragam, pelaksanaan piawaian perancangan yang lebih rasional dan dapat mencapai matlamat penyediaan tanah lapang dan rekreasi awam sebagai tempat riadah yang lebih bermakna serta mampu memberi manfaat kepada masyarakat setempat.

Akhir kata saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua jabatan serta agensi lain yang terlibat di atas kerjasama dan sokongan yang padu untuk menghasilkan Piawaian Perancangan Tanah Lapang dan Rekreasi ini.


DATU PROF. ZAINUDDIN BIN MUHAMMAD
(D.P.M.T., I.M.N., J.S.M., S.M.T., K.M.N., A.S.K.)

1.0	TUJUAN	1
2.0	LATAR BELAKANG	1
2.1	Takrifan	1
2.2	Tanah Lapang	1
2.3	Jenis Rekreasi	3
2.4	Fungsi Tanah Lapang dan Rekreasi	3
2.5	Klasifikasi Pengguna	4
3.0	DASAR PELAKSANAAN PERANCANGAN TANAH LAPANG DAN REKREASI	4
4.0	PRINSIP-PRINSIP PERANCANGAN	5
5.0	GARIS PANDUAN UMUM	8
5.1	Perancangan Tapak	8
5.2	Komponen Tanah Lapang dan Rekreasi	9
5.3	Saiz Minimum Tanah Lapang dan Rekreasi	12
5.4	Aktiviti dan Kemudahan Sokongan	12
5.5	Landskap	13
5.6	Kemudahan Awam	13
5.7	Rangkaian Laluan Pejalan Kaki	13
5.8	Kiosk, Kedai dan Gerai	14
6.0	GARIS PANDUAN KHUSUS	14
6.1	Lot Permainan	14
6.2	Padang Permainan	15
6.3	Padang Kejiranan	16
6.4	Taman Tempatan	17
6.5	Taman Bandaran	18
6.6	Taman Wilayah	19
6.7	Taman Nasional	20
6.8	Kemudahan Untuk Orang Tua dan Golongan Kurang Upaya	21

Senarai Jadual

Jadual 1 :	Piawaian Perancangan Tanah Lapang Dan Rekreasi	22
------------	--	----

Senarai Rajah

Rajah 1 :	Perletakan Tanah Lapang Dan Rekreasi Yang Memenuhi Prinsip Keselamatan, Mudahsmpai Dan Integrasi	8
Rajah 2 :	Hierarki Tanah Lapang Dan Rekreasi	10
Rajah 3 :	Pengagihan Tanah Lapang Dan Rekreasi Awam Dalam Projek Pembangunan	11

PIAWAIAN PERANCANGAN TANAH LAPANG DAN REKREASI

1.0 TUJUAN

Piawaian ini disediakan untuk membantu Pihakberkuasa Negeri dan Pihakberkuasa Tempatan di dalam merancang keperluan tanah lapang dan rekreasi untuk semua jenis pembangunan.

2.0 LATARBELAKANG

2.1 Takrifan

Tanah lapang sebagaimana yang ditakrif oleh Akta Perancangan Bandar dan Desa (Pindaan) 1995, Akta (A933) dalam Seksyen 2 (f) adalah sebagai **“mana-mana tanah samada yang dikepong atau tidak yang dikhas atau dirizabkan untuk dikhaskan keseluruhannya atau sebahagiannya sebagai suatu taman bunga awam, taman awam, padang sukan dan rekreasi awam, tempat makan angin, tempat jalan kaki awam atau sebagai suatu tempat awam”**.

Tanah lapang dan rekreasi adalah saling berkaitan. Tanah lapang adalah merupakan suatu ruang atau tapak yang dikhaskan untuk tujuan seperti yang telah ditetapkan oleh akta. Manakala rekreasi pula adalah merupakan aktiviti yang dijalankan di atas mana-mana tanah lapang. Tanah lapang dan rekreasi adalah merupakan satu kawasan awam yang digunakan untuk tujuan riadah yang tidak dikenakan sebarang bayaran masuk.

2.2 Tanah Lapang

Berdasarkan kepada takrifan ini tanah lapang digunakan untuk tujuan Taman Bunga awam, Taman Awam, Padang Sukan dan Rekreasi Awam, Tempat Makan Angin, Tempat Jalan Kaki Awam dan Tempat Awam.

i. Taman Bunga Awam

Taman Bunga Awam adalah merupakan suatu kawasan lapang atau rekreasi yang digunakan untuk tujuan rekreasi pasif dan juga aktif oleh semua peringkat umur dalam sesuatu bandar. Ianya digunakan untuk memberi kemudahan bersiar-siar kepada orang awam disamping menikmati kecantikan dan keindahan taman bunga berkenaan. Taman

Bunga Awam ini adalah merupakan kemudahan yang disediakan di Peringkat Nasional dan Wilayah;

ii. Taman Awam

Taman Awam atau “Public Park” merupakan suatu kawasan taman atau pun padang dalam jarak berkenderaan (ride-to) yang direkabentuk untuk memberi kemudahan berekreasi atau bersiar untuk orang awam atau penduduk dalam semua peringkat umur. Taman Awam ini adalah merupakan kemudahan yang disediakan di peringkat bandar;

iii. Padang Sukan dan Rekreasi Awam

Padang Sukan dan Rekreasi Awam adalah merupakan satu kawasan untuk tujuan rekreasi aktif yang mengandungi berbagai padang sukan. Ianya disediakan untuk memberi kemudahan kepada golongan pelajar dan belia untuk bersukan. Ianya juga merupakan kemudahan dalam jarak berkenderaan (ride-to). Kemudahan ini disediakan di peringkat bandar dan kawasan kejiranan;

iv. Tempat Peranginan

Tempat Peranginan atau ‘leisure place’ adalah merupakan tempat untuk berehat, tempat bagi memenuhi masa lapang, masa lega tidak bekerja atau masa senggang. Ianya adalah tempat untuk melakukan aktiviti bagi memenuhi masa yang bebas dari kerja iaitu melakukan sesuatu tanpa arahan dan pengawasan. Tempat Peranginan ini boleh dibahagikan kepada dua bentuk iaitu jenis formal dan tidak formal;

v. Tempat Jalan Kaki Awam

Tempat jalan kaki awam adalah merupakan ruang jalan kaki yang terbuka untuk orang awam. Ianya merupakan satu kawasan yang memang dikhaskan bagi kegunaan awam untuk berjalan kaki. Di Malaysia tempat jalan kaki awam ini biasanya digabungkan dengan lain-lain kemudahan rekreasi seperti taman bunga awam, taman awam dan kemudahan pejalan kaki di kawasan perumahan; dan

vi. Tempat Awam

Tempat Awam atau ‘public area’ adalah merupakan mana-mana kawasan yang boleh digunakan oleh orang awam tanpa mengira

bangsa, ugama dan peringkat umur. Contoh tempat-tempat awam adalah seperti laluan pejalan kaki awam, taman awam dan tanah lapang awam.

2.3 Jenis Rekreasi

Terdapat dua jenis aktiviti rekreasi yang boleh dijalankan di atas tanah lapang iaitu:

i. Rekreasi Aktif

Jenis rekreasi aktif adalah seperti berjogging, 'brisk walk', bermain bola, berbasikal dan lain-lain. Tanah lapang yang menyediakan kemudahan untuk aktiviti yang aktif adalah seperti gelanggang sukan, 'jogging track' dan padang permainan kanak-kanak; dan

ii. Rekreasi Pasif

Jenis aktiviti rekreasi pasif adalah seperti berjalan, bersiar, duduk berehat menikmati keindahan alam, berkelah dan lain-lain. Kawasan lapang yang menyediakan kemudahan untuk aktiviti pasif adalah seperti taman awam, taman bunga awam, laluan pejalan kaki, wakaf dan tempat peranginan. Aktiviti rekreasi pasif ini melibatkan semua peringkat umur termasuk golongan tua dan golongan kurang upaya.

2.4 Fungsi Tanah Lapang dan Rekreasi

Fungsi tanah lapang dan rekreasi adalah seperti berikut:

- a. Tempat kanak-kanak berinteraksi dan bermain sejajar dengan keperluan dalam proses pembesaran mereka dari segi mendidik, membangunkan minda dan memajukan kebolehan kesukanan;
- b. Tempat bagi belia dan golongan remaja menjalankan aktiviti sukan, rekreasi dan membina sifat murni merangkumi Program Rakan Rekreasi di bawah Program RAKAN MUDA; dan
- c. Sebagai tempat bersiar-siar dan berlipur diri, menikmati udara bersih dan tempat untuk mengurangkan tekanan emosi, mencari ketenangan dan mengurangkan keletihan.

2.5 Klasifikasi Pengguna

Pengguna tanah lapang dan rekreasi di kategorikan kepada dua kategori iaitu kumpulan umur dan masyarakat.

i. Kumpulan Umur.

Secara umumnya dibahagikan kepada lima kumpulan umur berikut:

- a. Peringkat kanak-kanak;
- b. Golongan remaja;
- c. Golongan dewasa;
- d. Golongan orang tua;
- e. Golongan kurang upaya.

ii. Kumpulan Masyarakat

- a. Masyarakat Bandar;
- b. Masyarakat Pinggir Bandar; dan
- c. Masyarakat Luar Bandar

3.0 DASAR PELAKSANAAN PERANCANGAN TANAH LAPANG DAN REKREASI

- i. Menyediakan 10 peratus tanah lapang dan rekreasi bagi semua jenis pembangunan berikut:
 - a. Pembangunan Perumahan;
 - b. Pembangunan Perdagangan;
 - c. Pembangunan Perindustrian;
 - d. Pembangunan Bercampur;
 - e. Pembangunan Pelancongan; dan
 - f. Pembangunan Institusi.
- ii. Kemudahan tanah lapang dan rekreasi hendaklah diambilkira dalam penyediaan Rancangan Pemajuan iaitu Rancangan Struktur, Rancangan Tempatan, Rancangan Pembangunan Daerah dan Rancangan Pusat Pertumbuhan Desa;
- iii. Pihakberkuasa Negeri hendaklah merizab dan mewartakan tanah lapang yang telah diluluskan dalam Rancangan Pemajuan mengikut peruntukan perundangan di bawah Seksyen 62 dan 204D, Kanun Tanah Negara;

- iv. Memastikan bahawa Pemaju memenuhi standard minimum sebelum menyerahkan tanah lapang kepada Pihakberkuasa Negeri iaitu merata dan membersihkan tapak, menyediakan sistem perparitan dan jalan masuk serta menanam rumput supaya boleh diguna oleh awam;
- v. Pihakberkuasa Negeri mengeluarkan syarat di dalam Sijil Kelayakan Menduduki (C.F.O) supaya tanah lapang diselenggara oleh pemaju sebelum diambilalih oleh Pihakberkuasa Tempatan;
- vi. Menyediakan kolam takungan sebagai sebahagian tanah lapang bagi semua kawasan pembangunan perumahan dan perindustrian bagi mengurangkan masalah banjir di kawasan bandar. Penyediaannya hendaklah mengikut Garis Panduan Perancangan Kawasan Kolam Takungan Sebagai Sebahagian Tanah Lapang oleh Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Semenanjung Malaysia; dan
- vii. Tanah Lapang dan Rekreasi hendaklah dilengkapi dengan kemudahan awam seperti tandas awam, telefon awam, surau dan sebagainya mengikut tahap pembangunannya;

4.0 PRINSIP-PRINSIP PERANCANGAN

- i. Tepat dan Saksama
 - a. Penyediaan tanah lapang dan rekreasi yang **seimbang** dan **pengasingan** yang **saksama** bersesuaian dengan keperluan penduduk; dan
 - b. Memastikan penyediaan tanah lapang dan rekreasi dapat dinikmati **oleh semua golongan** dengan cara mudah dikunjungi.
- ii. Kemudahsampaian

Menyediakan kawasan tanah lapang dan rekreasi yang mudah dikunjungi dan **mudah untuk sampai**.
- iii. Seni dan Keindahan

Perancangan tanah lapang dan rekreasi yang memaparkan **seni dan keindahan** alam semulajadi.

iv. Serasi

Perancangan dan penyediaan kemudahan ini perlu dibuat secara komprehensif sebagai satu komponen pembangunan yang **berinteraksi** dan bukan secara spontan.

v. Sistematis

Pewujudan tanah lapang dan rekreasi perlu **sistematis** dan mengambilkira kehendak sebenar pengguna serta mengimbangkannya dengan keperluan **alam sekitar**.

vi. Berwawasan

Mewujudkan tanah lapang dan rekreasi yang bermatlamat. Penyediaannya yang jelas dan mampu memupuk **perpaduan** yang jitu dikalangan masyarakat pengguna.

vii. Madani

Mewujudkan pelbagai tanah lapang dan rekreasi yang dilengkapi dengan **ciri-ciri keilmuan, sains dan teknologi** bagi mewujudkan masyarakat yang kreatif, pemelihara dan **madani**.

viii. Keselamatan, Kesendirian dan Keselesaan

Perancangan rekabentuk tanah lapang dan rekreasi yang menerapkan ciri-ciri **keselamatan**, mewujudkan pelbagai tahap **kesendirian dan kedamaian** serta mengambilkira keperluan **pelbagai golongan masyarakat** dan peringkat umur yang mempunyai persepsi yang berbeza mengenai konsep **keselamatan, keselesaan, kedamaian, keharmonian, keindahan dan kesendirian**.

ix. Kesejahteraan

Konsep keamanan yang mementingkan **kemakmuran pengguna** dan **ketenangan** perlu ditekankan menerusi perancangan dan rekabentuk tanah lapang dan rekreasi. Pendekatan pencegahan jenayah menerusi rekabentuk alam sekitar akan membantu ke arah ini.

x. Interaksi, Berbudaya dan Imej

Paparan **seni budaya** serta **imej penyatuan masyarakat** perlu diwujudkan di dalam penyediaan tanah lapang dan rekreasi sebagai tempat untuk **berinteraksi** serta tempat yang akan didatangi oleh pelbagai golongan masyarakat, darjat dan kedudukan.

xi. Simbiosis, Seimbang dan Harmoni

Konsep perancangan yang **simbiosis, seimbang** dan **berharmoni** adalah penting bagi mewujudkan tanah lapang dan rekreasi yang teratur, tidak memudaratkan serta menjamin keperluan dan hak pelbagai kumpulan pengguna.

xii. Kualiti dan Penyayang

Perancangan dan rekabentuk komponen serta elemen tanah lapang dan rekreasi perlu menekankan kepentingan **kualiti** bagi menjamin kesinambungan penggunaan serta bagi merealisasikan konsep masyarakat **penyayang**.

xiii. Estetika dan Ceria

Kebersihan untuk kesihatan adalah konsep penting yang perlu diterapkan di dalam perancangan rekabentuk tanah lapang dan rekreasi. Rekabentuk yang **menghindari** bentuk **ancaman dan pencemaran** mampu mewujudkan satu **persekitaran yang berkualiti, ceria** dan sentiasa mempunyai nilai **estetika** yang berterusan.

xiv. Penghijauan dan Badan Air

Penekanan kepada **penghijauan** dan penggunaan pelbagai bentuk **badan air** serta lain-lain elemen rekabentuk yang mampu menonjolkan **keindahan alam semulajadi** dan buatan perlu dipastikan dalam usaha mewujudkan satu persekitaran yang lengkap.

xv. Flora dan Fauna


Penggunaan **sumber asli flora** dan **fauna** dalam perancangan dan rekabentuk adalah penting merealisasikan manifestasi mewujudkan **taman yang indah** serta sebagai mensyukuri pemberian Tuhan.

5.0 GARIS PANDUAN UMUM

5.1 Perancangan Tapak

- i. Memaksimumkan kelebihan **alam semulajadi** seperti badan air, bekas lombong, saliran, bukit bukau dan kehijauan dalam merekabentuk imej kawasan taman;
- ii. Memperuntukkan ruang dengan keluasan yang sesuai dengan fungsi, **mencukupi** dan **mampu** untuk menampung keperluan masakini dan akan datang;
- iii. Membangun dan mewujudkan **sistem taman** dalam bandar yang **seimbang** serta **berkualiti**;
- iv. Menyediakan tanah lapang dan rekreasi dalam jarak **berjalan kaki** di dalam setiap unit kejranaan (Rajah 1.0)

RAJAH 1.0: PERLETAKAN TANAH LAPANG DAN REKREASI YANG MEMENUHI PRINSIP KESELAMATAN, MUDAHSAMPAI DAN INTEGRASI




- v. **Mengekalkan** persekitaran serta **ekologinya** dalam perancangan tapak yang merangkumi 7 hierarki tanah lapang dan rekreasi (sila lihat Rajah 2.0) iaitu:
 - a. Lot Permainan;
 - b. Padang Permainan;
 - c. Padang Kejiranan;
 - d. Taman Tempatan;
 - e. Taman Bandaran;
 - f. Taman Wilayah; dan
 - g. Taman Nasional.
- vi. Tapak yang dicadangkan hendaklah mempunyai sistem saliran yang baik dan bukan kawasan yang berpaya;
- vii. Tapak yang dicadangkan juga hendaklah rata dan yang berkecerunan kurang daripada 9 darjah. Ini adalah bagi menjimatkan kos dan memudahkan kerja tanah kerana tapak perlu diratakan pada kecerunan kurang daripada 4 darjah untuk tujuan aktiviti sukan dan rekreasi;
- viii. Taburan tanah lapang dan rekreasi adalah seperti berikut:
 - a. Tidak kurang daripada 50 peratus daripada tanah lapang dan rekreasi hendaklah dikelompokkan di tapak yang sesuai dan strategik di tengah-tengah tapak pembangunan. Manakala selebihnya diagih-agihkan mengikut kepadatan penduduk dan keluasan setiap zon dalam tapak pembangunan (sila lihat Rajah 3.0); dan
 - b. Jika 50 peratus daripada rizab tanah lapang dan rekreasi yang dikelompokkan berkeluasan 2.0 hektar (5.0 ekar) atau lebih, maka 20 peratus daripada jumlah keluasan hendaklah dikhaskan untuk aktiviti RAKAN MUDA.


5.2 Komponen Tanah Lapang dan Rekreasi

- i. Tanah lapang pelbagai guna perlu disediakan di setiap pusat kejiranan, khususnya untuk aktiviti-aktiviti seperti padang permainan kanak-kanak, pasar tani dan keperluan-keperluan masyarakat yang lain;
- ii. Tanah lapang sebagai kawasan hijau disediakan di lokasi yang sesuai untuk pelbagai tujuan seperti Jaluran Penampakan dan Skrin Visual; dan

RAJAH 2.0 : HIERARKI TANAH LAPANG DAN REKREASI



RAJAH 3.0: PENGAGIHAN TANAH LAPANG DAN REKREASI DALAM PROJEK PEMBANGUNAN



ANDAIAAN

- 1) Keluasan projek - 1432 ekar dan TLRA seluas 100 ekar
- 2) Pengagihan Tanah Lapang yang kecil dalam kawasan perumahan adalah mengikut saiz dan jenis kegunaan mengikut piawaian perancangan seperti berikut:-
 - i) Lot Permainan @ 0.5 ekar seunit
 - ii) Padang Permainan kanak-kanak @ 1.5 ekar seunit
 - iii) Padang Kejuruan @ 5.0 ekar seunit
 - iv) Taman Tempatan @ 20.0 ekar seunit

NOTA:

1. Keperluan Tanah Lapang Dan Rekreasi adalah 10% daripada keluasan kadar tapak pembangunan.
2. TLRA 7% merupakan keperluan tanah lapang sebenar dan boleh dimanfaatkan untuk tujuan rekreasi setelah ditolak kawasan rizab awam (3%) daripada keluasan tapak

- iii. Tanah lapang yang berfungsi disediakan untuk aktiviti-aktiviti riadah.

5.3 Keperluan Minimum Tanah Lapang dan Rekreasi

- i. Kegunaan tanah lapang dan rekreasi yang boleh diambilkira sebagai perkiraan 100 peratus tanah lapang mengikut Akta Perancangan Bandar dan Desa (Pindaan), 1995 Akta (A933) ialah:
 - a. Taman Bunga Awam;
 - b. Taman Awam;
 - c. Padang Sukan dan Rekreasi Awam; dan
 - d. Tempat Makan Angin
- ii. Perkiraan 30 peratus tanah lapang dan rekreasi dalam suatu pembangunan adalah bagi beberapa jenis rizab atau tanah lapang di bawah kategori berikut:
 - a. Tempat jalan kaki awam dan laluan basikal;
 - b. Tempat awam - Rizab kemudahan awam dan sosial;
 - c. Rizab Kerajaan;
 - d. Rizab sungai, parit dan pantai;
 - e. Simpanan kolam takungan;
 - f. Zon penampan;
 - g. Rizab rentasan elektrik dan rizab Tapak Pencawang Elektrik;
 - h. Kolam oksidasi dan loji rawatan kumbahan;
 - i. Rizab tangki air; dan
 - j. Rizab laluan paip gas
- iii. Saiz minimum sesuatu tanah lapang dan rekreasi hendaklah tidak kurang daripada 0.2 hektar (0.5 ekar). Saiz minimum ini ditetapkan bagi membolehkan kemudahan-kemudahan berikut disediakan:
 - a. Kemudahan-kemudahan rekreasi untuk kanak-kanak;
 - b. Kemudahan tempat duduk dan berehat untuk orang dewasa; dan
 - c. Kawasan untuk tujuan landskap.
- iv. Bentuk tanah lapang dan rekreasi ini hendaklah seboleh-bolehnya berbentuk segi empat. Bentuk yang bujur dan tiga segi tidak digalakkan.

5.4 Aktiviti dan Kemudahan Sokongan

- i. Aktiviti dan kemudahan sokongan tanah lapang dan rekreasi mestilah mengambilkira kemudahan-kemudahan dan peluang berekreasi bagi

- golongan berpendapatan rendah dan golongan kurang upaya;
- ii. Mengenalpasti dan menyediakan mekanisma yang sesuai untuk pengawasan kawasan sensitif serta kawasan ekologi seperti “wetlands”, tanah-tanah tinggi dan tanah-tanah curam;
 - iii. Tanah lapang dan rekreasi perlu memuatkan kemudahan penyelidikan dan pembangunan yang komprehensif seperti perpustakaan, pusat kajian, ‘kiosk’ maklumat, panduan pembelajaran dan kesusasteraan; dan
 - iv. Penerapan teknologi maklumat sebagai pendekatan pengurusan tanah lapang dan rekreasi yang cekap.

5.5 Landskap

- i. 50 peratus daripada keluasan tapak dalam sesuatu plot tanah lapang dan rekreasi hendaklah merupakan landskap jenis lembut (soft landscape); dan
- ii. ‘Plinth Area’ bagi sesuatu plot tanah lapang dan rekreasi hendaklah tidak melebihi 50 peratus.

5.6 Kemudahan Awam

- i. Pembangunan tanah lapang dan rekreasi hendaklah menyediakan kemudahan awam untuk para pengunjungnya seperti tempat meletak kenderaan, tandas awam, surau dan wakaf, telefon awam, tempat perhentian bas dan teksi; dan
- ii. Penyediaan kemudahan awam hendaklah disediakan mengikut tahap pembangunan masing-masing dengan mengambil kira pembangunan persekitaran.

5.7 Rangkaian Laluan Pejalan Kaki

- i. Pembangunan tanah lapang dan rekreasi hendaklah menyediakan rangkaian laluan pejalan kaki yang mencukupi untuk kemudahan dan keselamatan pengguna mengikut tahap pembangunan;
- ii. Rangkaian pejalan kaki hendaklah boleh menghubungkan pengguna ke jalan raya; dan

- iii. Kelebaran laluan ini hendaklah mengikut kehendak dan standard keselamatan yang ditetapkan.

5.8 Kiosk, Kedai dan Gerai.

Pembangunan tanah lapang dan rekreasi perlu mengambilkira dan menyediakan tapak bagi kiosk, kedai dan gerai bagi kemudahan pengguna mengikut tahap keperluannya.

6.0 GARIS PANDUAN KHUSUS

6.1 Lot Permainan

- i. Fungsi : a. Lot permainan bagi kanak-kanak peringkat umur belum bersekolah.
- ii. Lokasi : a. Lokasi taman perlulah mudahsampaikan dan tidak banyak melintasi jalan-jalan utama untuk keselamatan dan mesra kanak-kanak;
b. Dalam lingkungan tidak lebih dari 0.5km (0.3batu) dari pengguna; dan
c. Keperluan untuk kawasan dalam lingkungan 300 - 1,000 orang penduduk.
- iii. Keluasan : a. Antara 0.2 hektar - 0.6 hektar (0.5 ekar - 1.5 ekar).
- iv. Rekabentuk : a. Laluan pejalan kaki dan gili-gili yang menghala ke taman tersebut perlu direkabentuk berdasarkan 'kecerunan' (gradient) yang mudah untuk pejalan kaki, dan menyediakan 'ramp' untuk golongan kurang upaya; dan
b. Rekabentuk peralatan permainan mestilah berwarna-warni, cantik dan boleh merangsang pemikiran kanak-kanak serta memerlukan penjagaan dan pengawasan yang minimum seperti berikut:
 - Permainan pemanjat, gelungsur atau buaian;
 - Kawasan berumput;

- Kawasan berpasir
- Kawasan permainan untuk berlari-lari dan permainan aktif, dan
- Kawasan teduhan untuk aktiviti pasif atau elemen-elemen lain seperti tempat duduk, gili-gili, siar kaki yang lebar, kereta tolak bayi, kanak-kanak berbasikal, pembahagi seperti pagar, pokok rendah dan tong-tong sampah.

6.2 Padang Permainan

- | | | | | |
|------|-----------|---|----|---|
| i. | Fungsi | : | a. | Kemudahan bagi kegiatan permainan samada secara formal atau informal khususnya bagi kanak-kanak peringkat umur persekolahan rendah. |
| ii. | Lokasi | : | a. | Lokasi dalam lingkungan tidak melebihi 1.5km (0.9 batu) dari kediaman pengguna; |
| | | | b. | Mudah dikunjungi tanpa perlu melintasi banyak jalan; dan |
| | | | c. | Keperluan kemudahan dalam lingkungan antara 1,000 hingga 3,000 penduduk |
| iii. | Keluasan | : | a. | Antara 0.6 hektar - 2.0 hektar (1.5 ekar - 5 ekar). |
| iv. | Kemudahan | : | a. | Perlu disediakan satu taman permainan kanak-kanak dengan sistem peralatan modular bersepadu yang mengandungi: <ul style="list-style-type: none"> • Buaian; • Papan gelungsur; • Jongkang-jongkit; • 'Climber'; dan • 'Adventure ground'. |
| | | | b. | Peralatan perlu mematuhi 'standard specification for playground equipment for parks, school and |

domestic use' (MS 966: 1985/86 atau diluluskan oleh SIRIM QAS Sdn. Bhd.) dan mempertimbangkan aspek-aspek berikut:

- Mengikut skala dan 'proportion' untuk kesesuaian keupayaan fizikal dan emosi kanak-kanak pada peringkat umur dan juga pada golongan kanak-kanak kurang upaya; dan
 - Semua peralatan direka bentuk dan dibina dengan selamat, bebas dari permukaan yang tajam, kukuh dan daya ketahanan yang tinggi.
- c. Kemudahan perlu mencapai hasrat berikut:
- Pembentukan mental harus menggalakkan pertumbuhan sihat dan membawa keceriaan kepada kanak-kanak;
 - Koordinasi;
 - Kreativiti;
 - Kegembiraan; dan
 - Membina keyakinan diri.
- d. Tempat letak kenderaan

6.3 Padang Kejiranan

- i. Fungsi :
- a. Kegiatan sukan dan rekreasi pasif; dan
 - b. Padang dan gelanggang sukan berserta taman untuk perteduhan, berkelah dan pengindahan.
- ii. Lokasi :
- a. Dalam lingkungan jarak pejalan kaki lebih kurang 1.5km (0.9 batu);
 - b. Keperluan kemudahan bagi 3,000 hingga 12,000 penduduk;
 - c. Dalam atau pinggir pusat perkhidmatan kejiranan; dan

- d. Tapak semulajadi/buatan manusia.
- iii. Keluasan : a. Antara 2.0 hektar - 8.0 hektar (5.0 ekar - 20 ekar).
- iv. Kemudahan : a. Kawasan turapan yang boleh digunakan untuk rekreasi roller skate, permainan bebas dan permainan gelenggang seperti takraw, badminton, tennis dan lain-lain;
- b. Untuk aktiviti komuniti seperti padang bola sepak;
- c. Lot permainan kanak-kanak untuk permainan 'adventure' bagi umur sekolah rendah
 - Membentuk 'skill' binaan;
 - Direkabentuk dalam ciri tempatan; dan
 - Permainan Untuk Golongan Kurang Upaya.
- d. Kawasan teduhan untuk membaca, bercerita, permainan tradisional, berkelah dan 'handikraf'.

6.4 Taman Tempatan

- i. Fungsi : a. Intensiti penggunaannya harus meliputi aktiviti-aktiviti fizikal, sosial dan kebudayaan yang menarik penduduk tempatan, pelbagai guna serta aktiviti dan sukan dengan ruang penonton yang terbuka (open air theatre);
- b. Rekreasi pasif dan kegiatan sukan yang tersusun, untuk keseluruhan masyarakat tempatan;
- c. Sesuai untuk acara-acara bagi pertandingan sukan dan lain-lain aktiviti fizikal; dan
- d. Pusat yang boleh mewujudkan interaksi sosial dan kebudayaan setiap waktu.
- ii. Lokasi : a. Dalam atau berdekatan dengan pusat perkhidmatan atau pusat kejurangan yang sentiasa mudah dikunjungi sama ada dengan berjalan kaki,

- berbasikal, pengangkutan awam dan kenderaan persendirian;
- b. Dalam lingkungan perkhidmatan antara 12,000 hingga 50,000 penduduk; dan
- c. Dalam lingkungan jarak lebih 3.0km (1.8 batu) dari kediaman pengguna.
- iii. Keluasan : a. Antara 8.0 hektar - 40.0 hektar (20 ekar - 100 ekar).
- iv. Kemudahan : a. Padang bola, gelanggang tennis, takraw, ragbi, rekreasi badminton, hoki, bola tampar, bola jaring dan lain-lain;
- b. Kolam renang
- c. Kawasan taman dan padang permainan kanak-kanak
- d. Kawasan berkelah, 'adventure ground' dan lain-lain;
- e. Dewan tertutup; dan
- f. Tempat letak kereta.

6.5 Taman Bandaran

- i. Fungsi : a. Pusat kegiatan sukan yang aktif dan tersusun (organised);
- b. Pusat tumpuan penduduk bandar bagi kegiatan rekreasi, sukan bermusim; dan
- c. Pusat yang memberi kemudahan dan peluang untuk menikmati keindahan semulajadi dan tinggi nilainya.
- ii. Lokasi : a. Dalam lingkungan kawasan yang mudah dikunjungi dalam jangka masa setengah jam perjalanan;
- b. Dalam lingkungan jarak antara 5.0km hingga 10.0 km (3 batu - 6 batu); dan

- c. Keperluan kemudahan untuk 50,000 orang penduduk dan lebih.
- iii. Keluasan : a. 40.0 hektar - 100 hektar (100 ekar - 250 ekar),
- iv. Kemudahan : a. Padang untuk aktiviti sukan tersusun;
 - b. Gelanggang permainan;
 - c. Bangunan atau dewan sukan;
 - d. Kompleks tennis, badminton dan lain-lain;
 - e. Kolam renang;
 - f. 'Golf practice range';
 - g. Padang permainan kanak-kanak;
 - h. Kawasan berkelah dan 'camping';
 - i. Kemudahan sukan air seperti 'boating' dan lain-lain;
 - j. Hutan lipur, taman bunga dan lain-lain; dan
 - k. Tempat letak kereta dan bas.

6.6 Taman Wilayah

- i. Fungsi : a. Pusat tumpuan bagi penduduk-penduduk bandar, luar bandar dan daerah lain untuk kegiatan pertandingan acara sukan yang tersusun, sukan yang bermusim atau menikmati persekitaran semulajadi; dan
 - b. Keperluan mengekalkan alam semulajadi dan tumpuan terhadap kegunaan penyelidikan adalah menjadi keutamaan.
- ii. Kedudukan : a. Kebiasannya di pinggir atau di luar kawasan kepadatan perbandaran;
 - b. Tapak yang mempunyai ciri-ciri alam semulajadi dan mempunyai tarikan pelancong;

- c. Dalam lingkungan tidak lebih satu jam perjalanan berkenderaan; dan
 - d. Keperluan kemudahan bagi keseluruhan penduduk bandar, bandaraya dan daerah sekeliling.
- iii. Keluasan : a. 100.0 hektar (250 ekar ke atas).
- iv. Kemudahan : a. Kemudahan rekreasi seperti tempat berkelah, 'camping', 'fishing', 'boating', 'hiking', 'jogging', 'jungle tracking', scenic drives' dan lain-lain;
- b. Kompleks sukan terbuka atau tertutup atau stadium;
 - c. Kemudahan sukan terhad dan bermusim seperti 'golf course', 'racing circuit' dan lain-lain;
 - d. Kawasan semulajadi yang menjadi tumpuan pelancong seperti air terjun, pantai, tasik, puncak bukit dan lain-lain; dan
 - e. Mempunyai bahan-bahan semulajadi untuk rekreasi pasif seperti hutan lipur, 'jungle tracking', 'camping', berkelah serta untuk tujuan penyelidikan sains yang mengekalkan 'wild life', ekologi dan lain-lain.

6.7 Taman Nasional

- i. Fungsi : a. Kepentingan pekekalan alam semulajadi adalah lebih diutamakan; dan
- b. Warisan kepada negara dan bahan terpenting untuk penyelidikan.
- ii. Kedudukan : a. Kawasan yang unik dari segi keindahan landskap, kewujudan 'wild life' dan bahan-bahan bagi penyelidikan sains dan geologi; dan
- b. Tiada had dari segi jarak dari penduduk-penduduk.
- iii. Keluasan : a. Tiada had

- iv. Kemudahan :
- a. Setiap bahan atau alat yang perlu yang sesuai untuk tujuan mengekalkan alam semulajadi; dan
 - b. Kemudahan-kemudahan untuk penginapan, pengangkutan yang baik tetapi tidak menjejaskan alam ekologi, 'wild life' yang sedia ada.

6.8 Kemudahan Untuk Orang Tua dan Golongan Kurang Upaya.

- a. Menyediakan 'ramps' yang cukup lebar untuk penggunaan kerusi roda di semua jenis taman permainan. 'Gradient ramp' tidak digalakkan melebihi 5 darjah dan 'handrails' disediakan di kedua-dua belah 'ramp'. Bagi setiap 10m 'ramp' yang curam perlu satu tempat yang rata sekurang-kurangnya 1350mm panjang untuk berehat,
- b. Jenis buaian khas yang boleh digunakan dengan kerusi roda,
- c. Peralatan permainan yang bersesuaian dengan kanak-kanak yang cacat penglihatan,
- d. Rekabentuk lorong pejalan kaki-jarak maksimum berjalan kaki tanpa rehat oleh kumpulan kurang upaya,
 - Pengguna kerusi roda - 150 meter,
 - Orang buta - 150 meter,
 - Menggunakan tongkat - 50 meter, dan
 - Orang cacat yang berjalan tanpa bantuan - 100 meter.
- e. Tempat duduk yang bersesuaian dengan ketinggian 420 mm - 450 mm atas lantai yang senang digunakan untuk kerusi roda mendekati dan menggunakan meja duduk.

JADUAL 1.0 : PIAWAIAN TANAH LAPANG DAN REKREASI

Jenis dan Hierarki	Keperluan Minimum	Saiz Kawasan	Bilangan Penduduk	Jarak Perkhidmatan	Kawasan Perkhidmatan	Lokasi	Kemudahan Rekreasi
1. Lot Permainan	0.2 hektar (0.5 ekar)	0.2 - 0.6 hektar (0.5 - 1.5 ekar)	i. setiap 300 orang penduduk; dan ii. setiap pertambahan 300 orang penduduk memerlukan 0.2 hektar (0.5 ekar)	Lingkungan 0.5km (0.3 batu)	Pusat Kejiranan	Di pusat kejiranan kecil dan dalam jarak berjalan kaki	i. Kawasan berumput; ii. Kawasan berpasir; iii. Tempat berteduh dan tempat duduk; iv. Alat permainan kanak-kanak umur belum bersekolah
2. Padang Permainan	0.6 hektar (1.5 ekar)	0.6 - 2.0 hektar (1.5 - 5 ekar)	i. setiap 1,000 orang penduduk; dan ii. Setiap pertambahan 1,000 orang penduduk memerlukan 0.6 hektar (1.5 ekar)	Lingkungan 1.0 km (0.6 batu)	Pusat Kejiranan	Di pusat kejiranan kecil dan dalam jarak berjalan kaki	i. Kawasan teduhan taman; ii. Kawasan berturap dan berlampu untuk gelanggang sukan dan permainan; iii. Kawasan permainan kanak-kanak; iv. "Adventure ground" v. Tempat letak kereta. vi. Telefon awam
3. Padang Kejiranan	2.0 hektar (5.0 ekar)	2.0 - 8.0 hektar (5 - 20 ekar)	i. setiap 3,000 orang penduduk; dan ii. setiap pertambahan 3,000 orang penduduk memerlukan 2.0 hektar (5.0 ekar)	Lingkungan 1.5 km (0.9 batu)	Pusat Kejiranan	Dalam atau berdekatan dengan pusat kejiranan dalam jarak berbasikal dan berjalan kaki	i. Padang permainan kanak-kanak; ii. Padang bola; iii. Gelanggang badminton, tenis, takraw dan lain-lain; iv. Kawasan jogging; v. Taman dan perteduhan; vi. Tempat rehat dan penduduk vii. Tempat letak kereta. viii. Telefon Awam ix. Perhentian bas x. Tandias Awam

Jenis dan Hierarki	Keperluan Minimum	Saiz Kawasan	Bilangan Penduduk	Jarak Perkhidmatan	Kawasan Perkhidmatan	Lokasi	Kemudahan Rekreasi
4. Taman Tempatan	8.0 hektar (20 ekar)	8.0 - 40.0 hektar (20 - 100 ekar)	i. setiap 12,000 orang penduduk; dan ii. setiap pertambahan 12,000 orang penduduk memerlukan 8.0 hektar (20 ekar)	Lingkungan 3.0 km (1.8 batu)	Pusat Perkhidmatan	Dalam atau berdekatan dengan pusat perkhidmatan. Mudah dijangkau dengan berjalan kaki, berbasikal dan pengangkutan awam atau persendirian	i. Pelbagai gelanggang permainan dan padang bola dalam bentuk kompleks sukan kecil; ii. Kolam renang; iii. Taman dan kawasan permainan kanak-kanak iv. Kawasan berkelah dan 'adventure game'; v. Dewan tertutup; vi. Gerai; vii. Tandas awam; viii. wakaf; ix. telefon awam, x. perhentian bas xi. tempat letak kenderaan
5. Taman Bandaran	40 hektar (100 ekar)	40 - 100 hektar (100 - 250 ekar)	50,000 ke atas	Lingkungan 0.5km (0.3 - 6.0 batu) 1/2 jam perjalanan	Pusat Bandaran	Dalam pusat bandar	i. Padang untuk Sukan Tahuan; ii. Gelanggang Permainan; iii. Kompleks Sukan; iv. Kolam renang; v. "Golf Practice Range"; vi. Padang permainan kanak-kanak; vii. Kawasan berkelah dan berkhemah; viii. Sukan air; ix. Hutan lipur dan taman bunga; x. Wakaf atau Surau; xi. Tandas telefon awam; xii. Tempat penginapan; xiii. Kedai dan gerai; dan xiv. Tempat Letak kereta dan bas. xv. perhentian bas

Jenis dan Hierarki	Keperluan Minimum	Saiz Kawasan	Bilangan Penduduk	Jarak Perkhidmatan	Kawasan Perkhidmatan	Lokasi	Kemudahan Rekreasi
6. Taman Wilayah/ Taman Negeri	100 hektar (250 ekar)	100 hektar (250 ekar) ke atas	Seluruh penduduk dalam Wilayah atau Perbandaran	Lingkungan dalam 1 jam perjalanan dengan kenderaan	Pusat Wilayah	Di pinggir atau di luar kawasan kepadatan Perbandaran.	<ul style="list-style-type: none"> i. Kemudahan seperti tempat perkelahan, perkhemahan, 'hiking', 'boating' dan lain-lain; ii. Kompleks sukan terbuka; iii. Sukan terhad seperti golf; iv. Kawasan semulajadi tumpuan penduduk seperti tasik, air terjun dan lain-lain; v. Mempunyai alam semulajadi untuk rekreasi pasir seperti 'jungle tracking', hutan lipur dan tempat penyelidikan alam sekitar; vi. Tempat penginapan; vii. Kedai dan gerai; viii. Tandans dan telefon awam awam; dan surau ix. Tempat letak kereta dan bus. v. perhentian bus
7. Taman Negara nasional	Tiada had	Tiada Had	Seluruh Negara	Seluruh Negara	Tiada Had	Terletak di kawasan yang sesuai dan unik dari segi kewujudan 'wild life' dan bahan-bahan penyelidikan alam sekitar	<ul style="list-style-type: none"> i. Bahan dan alat untuk pengekalan alam sekitar; ii. Kemudahan penginapan dan pengangkutan, tetapi tidak menjejaskan ekologi dan "wild life"; iii. Tempat letak kereta dan bus; iv. Kedai dan Gerai; dan v. Tempat penginapan vi. surau dan wakaf vii. tandans dan telefon awam viii. perhentian bus

**PASUKAN KAJIAN
PERANCANGAN TANAH LAPANG DAN REKREASI**

PENASIHAT

1. *Y. Bhg. Dato' Prof. Zainuddin bin Muhammad*
Ketua Pengarah,
Jabatan Perancangan Bandar dan Desa,
Semenanjung Malaysia

JAWATANKUASA PERANCANGAN DAN PEMBANGUNAN

1. *Ketua Pengarah* — *Pengerusi*
Jabatan Perancangan Bandar dan Desa,
Semenanjung Malaysia
2. *Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan)*
Jabatan Perancangan Bandar dan Desa,
Semenanjung Malaysia
3. *Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan)*
Jabatan Perancangan Bandar dan Desa,
Semenanjung Malaysia
4. *Jabatan-Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri-Negeri*
5. *Pejabat Pengurusan,*
Bahagian Rancangan Pembangunan
6. *Unit-Unit Jabatan Perancangan Bandar dan Desa*
Ibu Pejabat, Semenanjung Malaysia.
7. *Bahagian Rancangan Pembangunan,*
Perbadanan Putrajaya
8. *Bahagian Kemajuan Wilayah Persekutuan dan Lembah Klang*
Jabatan Perdana Menteri
9. *Bahagian Rancangan Jalan*
Kementerian Kerja Raya
10. *Lembaga Pembangunan Labuan*
11. *Lembaga Pembangunan Langkawi*
12. *Kuala Lumpur International Airport Berhad*

13. *Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang*
14. *Unit Penyelidikan dan Pembangunan,
Ibu Pejabat, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa* — *Urusetia*

JAWATANKUASA PENYELARAS

1. *Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan)
Jabatan Perancangan Bandar dan Desa
Semenanjung Malaysia* — *Pengerusi*
2. *Pengarah
Jabatan Perancangan Bandar dan Desa
Negeri Selangor*
3. *Pengarah
Jabatan Perancangan Bandar dan Desa
Negeri Perak*
4. *Pengarah
Jabatan Perancangan Bandar dan Desa
Pulau Pinang*
5. *Pengarah
Jabatan Perancangan Bandar dan Desa
Negeri Kelantan*
6. *Pengarah
Jabatan Perancangan Bandar dan Desa
Negeri Sembilan*
7. *Pengurus Projek
Pejabat Projek Alor Setar*
8. *Ketua Unit Penyelidikan dan Pembangunan
Ibu Pejabat, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa* — *Urusetia*

PASUKAN KAJIAN

1. *Pn. Hajah Norasiah binti Haji Yahya
(Ketua Pasukan Kajian)*
2. *En. Yaacob bin Nordin*
3. *En. Suki Mee*
4. *Puan Jamariah binti Isam*

5. *Puan Kalsom binti Yop Mohd Kasim*
6. *En. Mohd Nasir bin Kamin*
7. *Puan Salmiah binti Hashim*
8. *En. Mohd Yasir bin Said*
9. *Pn. Husniah binti Mohd. Hasir*
10. *Pn. Hodijah binti Abdullah*
11. *Pn. Zulridah binti Arshad*